As we stand today, BERNAS is a much stronger entity than it was just two years ago. Our value proposition rests on the unique position that BERNAS occupies in the socio-economic fabric of the nation as well as the following considerations:

- BERNAS is tapping inherent synergies of coming under the corporate umbrella of the Tradewinds (M) Berhad Group (TWM), one of the largest food-based groups listed on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad. The strategic concentration of our respective strengths will contribute positively to the overall productivity, efficiency and profitability of BERNAS.
- With the extension of the Concession Agreement for the next 10 years, we will commit more funds for capital expenditure to improve facilities and introduce state of art technologies across the entire supply chain.
- The Group has strong and recognisable brands that we will exploit to further strengthen our position in the market.
- With the latest corporate exercise and our continuing programme with the farmers through PRL as well as our corporate social activities, we will strive to unlock the values in both upstream and downstream activities.

Harga beras antarabangsa dijangka kekal kukuh dengan trend peningkatan harga sejajar dengan peningkatan kos pengeluaran dan persaingan penggunaan tanah. Namun, kami menjangkakan tidak akan berlaku sebarang masalah bekalan untuk mengakibatkan lonjakan harga secara mendadak dalam jangka waktu terdekat.

PERNYATAAN NILAI

BERNAS berdiri pada hari ini, lebih teguh berbanding dua tahun yang lalu. Kelebihan nilai BERNAS terletak pada kedudukannya yang unik dalam struktur sosial dan ekonomi masyarakat negara ini, serta dalam perkara-perkara berikut:

- BERNAS memanfaatkan peluang-peluang sinergi yang wujud di bawah naungan korporat Kumpulan Tradewinds (M) Berhad yang merupakan di antara kumpulan-kumpulan perniagaan berasaskan makanan yang terbesar dan tersenarai di bawah Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Penumpuan strategik setiap syarikat di bawah Kumpulan ini merupakan kekuatan yang akan menyumbang ke arah produktiviti, kecekapan dan keuntungan keseluruhan BERNAS.
- Dengan lanjutan Perjanjian BERNAS selama 10 tahun lagi, BERNAS akan memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan modal untuk menambahbaik fasiliti dan menggunakan teknologi terkini di semua peringkat rantai bekalan.
- Kumpulan BERNAS mempunyai kekuatan jenama yang membolehkan BERNAS mengukuhkan lagi kedudukannya dalam pasaran.
- Melalui pelaksanaan rancangan korporat terkini, program-program pertanian menerusi PRL, serta aktiviti-aktiviti sosial korporat, kami akan berusaha untuk merealisasikan nilai-nilai dalam kedua-dua aktiviti hulu dan hilir.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS

Perutusan Pengerusi kepada Pemegang Saham

APPRECIATION

At the end of the day, it is the human factor that will determine the success of a company and its ultimate destiny. Our prime assets are the intellectual and creative capabilities of our people, the 1,700 men and women who together make up a formidable force. They are truly the heart and soul of BERNAS and I thank all of you for contributing so effectively to our success.

We are also fortunate to have had the understanding and support of the Malaysian Government, Ministry of Agriculture and Agro-based Industry and other agencies. Your guidance and help have always made the difference in a challenging business.

To our valuable support group, namely our customers, business associates, financiers and partners, you are the *raison d'être* of our existence and we hope to continue meeting your expectations as we journey together to bring BERNAS to even greater heights of achievement.

And to you our loyal shareholders, thank you for your understanding and support as we strive in all our efforts to grow and create more value.

Finally, I owe my fellow members on the Board a special note of thanks. This is a cohesive team of people who are committed to the continuing progress of the Group. There were several changes to the Board's composition during the year. Dato' Azman bin Umar resigned from the board on August 26, 2011 upon his retirement from civil service. His professionalism and contributions during his tenure will be missed and we wish him every success.

PENGHARGAAN

Faktor kemanusiaan merupakan penentu kejayaan dan matlamat akhir sesebuah syarikat. Keupayaan intelek dan kreatif modal insan kami yang terdiri daripada 1,700 orang kakitangan lelaki dan wanita merupakan aset terpenting dalam membentuk sebuah organisasi yang disegani. Mereka adalah rohani dan jasmani yang membentuk BERNAS dan sumbangan efektif mereka terhadap kejayaan Syarikat amatlah dihargai.

Kami juga bertuah kerana mendapat kepercayaan dan sokongan dari Kerajaan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi-agensi yang lain. Segala panduan dan bantuan yang diberikan telah memberikan impak yang bermakna dalam kami mengharungi cabaran peniagaan.

Kepada para pelanggan, rakan perniagaan, pembiaya kewangan dan rakan kongsi yang sentiasa memberi sokongan, anda adalah rasional kewujudan kami. Kami berharap dapat terus memenuhi harapan dan jangkaan di sepanjang perjalanan bersama untuk membawa BERNAS ke peringkat yang lebih tinggi.

Kepada para pemegang saham yang budiman, setinggi-tinggi terima kasih diucapkan di atas persefahaman dan sokongan di sepanjang kami berusaha untuk berkembang dan melahirkan lebih nilai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada satu pasukan yang padu dan komited untuk menentukan kemajuan Kumpulan secara berterusan. Terdapat sedikit perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah pada tahun yang ditinjau. Dato'Azman bin Umar meletak jawatan sebagai Pengarah pada 26 Ogos 2011 berikutan persaraan beliau dari perkhidmatan awam. Sumbangan beliau sepanjang tempoh perkhidmatan amatlah kami hargai dan kami ingin mengucapkan selamat maju jaya.

We wish also to record our sincere appreciation to Mr Chua Seong Tat who resigned from the Board on March 15, 2012 for his valuable contribution.

The two new members on the Board are Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, who is the Deputy Secretary General of Treasury (Policy) in the Ministry of Finance and Datin Naimah binti Ramli, who will serve as the Alternate Director to Dato' Mohd Hashim bin Abdullah. We welcome you to the Board and look forward to benefiting from your experience and fresh insights.

I thank all of you.


DATO' WIRA SYED ABDUL JABBAR BIN SYED HASSAN
CHAIRMAN

Kami juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Chua Seong Tat di atas segala sumbangan beliau yang tidak ternilai sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Beliau telah bersara pada 15 Mac 2012.

Kami mengalu-alukan dua orang ahli baru dalam Lembaga Pengarah. Mereka ialah Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan, serta Datin Naimah binti Ramli, yang akan berkhidmat sebagai Pengarah Gantian kepada Dato' Mohd Hashim bin Abdullah. Semoga pengalaman luas dan buah fikiran mereka dapat menyuntik semangat baru kepada BERNAS.

Sekian, terima kasih.

DATO' WIRA SYED ABDUL JABBAR BIN SYED HASSAN
PENGURUS



REVENUE GROWTH Pertumbuhan Perolehan



Combined harvester at work in Tg Karang, Selangor



"WHILST EXPLORING PATHS TO NEW GROWTH AND PROFITABILITY, BERNAS REMAINS COMMITTED TO FULFILLING ITS MANDATED ROLE AS CUSTODIAN OF THE NATION'S PADDY AND RICE INDUSTRY."

"SAMBIL MENEROKAI LALUAN PERTUMBUHAN DAN KEUNTUNGAN, BERNAS KEKAL KOMITED DALAM MEMENUHI PERANAN YANG TELAH DIMANDATKAN KEPADANYA SEBAGAI PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA."

DATO' WIRA SYED ABDUL JABBAR BIN SYED HASSAN
CHAIRMAN / PENERUS

DELIVERING
RESPONSIBILITY

COMMITTED
TO THE
NATION



BERNAS can look back on the financial year ended 31 December 2011 (FYE 2011) with a sense of accomplishment and satisfaction. Despite a myriad of challenges, BERNAS was able to maintain its growth momentum to produce satisfactory results on all fronts. For FYE 2011, BERNAS recorded profit before taxation of RM238.73 million which is a commendable achievement despite being lower than RM245.78 million recorded in 2010. Volume of rice sold grew by 3.1 % in 2011 as reflected in the turnover of RM3.53 billion, which surpassed the previous year's results by 11%.

BERNAS boleh meninjau kembali tahun kewangan 2011 dengan menarik nafas lega dan rasa syukur. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, BERNAS berjaya mengekalkan momentum pertumbuhannya dan menghasilkan keputusan yang memuaskan dalam semua bahagian. Bagi tahun kewangan 2011, keuntungan sebelum cukai direkodkan sebanyak RM238.73 juta, iaitu keputusan yang boleh dibanggakan walaupun sedikit merosot berbanding

RM245.78 juta yang dicatatkan pada tahun 2010. Jumlah dagangan beras meningkat sebanyak 3.1% pada tahun 2011, sekaligus menyumbang kepada perolehan sebanyak RM3.53 bilion, mengatasi catatan perolehan tahun sebelumnya sebanyak 11%.



MANAGING DIRECTOR'S REVIEW OF OPERATIONS

Tinjauan Operasi Pengarah Urusan



MANAGING DIRECTOR'S REVIEW OF OPERATIONS

Tinjauan Operasi Pengarah Urusan



total rice sales
1.41 million MT
+3.1%.

EPP II Pilot Project in Batang Lupar, Sri Aman,
Sarawak

OPERATIONAL HIGHLIGHTS OF 2011

By leveraging on the gains of the previous year, real progress was also made in the ongoing transformation of BERNAS into a dynamic, highly competitive and cost-efficient company poised for a new phase of growth and profitability. In a year of aggressive consolidation, we grew to capitalise on our momentum to achieve the following highlights:

- BERNAS' share of the local paddy market improved to 33.3% in 2011 from 32.2% in 2010. The increase was achieved largely through the success of our 'Skim Upah Mengering dan Kisar' (SUMK) and 'Program Rakan Ladang' (PRL).
- BERNAS also managed to minimise its paddy stock losses from 3.6% in 2010 to only 1.8% in 2011 due to improvements in the paddy deduction process at all its mills. As a result, Graded Rice Recovery (GRR) rate has also improved from 56.5% in 2010 to 57.4% in 2011.
- In 2011 BERNAS committed a total sum of RM64.13 million to execute 481 projects as part of its facilities and infrastructure improvement programme, focused on delivering both increased milling capacity and improved operating systems. Along with the improvements in paddy deduction process, this has contributed in milling operations to improve by 30% during the year in review.

SOROTAN OPERASI TAHUN 2011

Dengan memanfaatkan keuntungan yang diperolehi pada tahun sebelumnya, perkembangan sebenar dapat dicapai dalam meneruskan usaha transformasi BERNAS ke arah pembentukan sebuah organisasi yang dinamik, berdaya saing dan berkesan dari sudut kos – sedia untuk menuju fasa baru pertumbuhan dan keuntungan. Dalam tempoh pengukuhan syarikat secara agresif, kami memanfaatkan momentum pertumbuhan untuk mencapai perkara-perkara berikut:

- Syer pasaran padi tempatan BERNAS meningkat kepada 33.3% dalam tahun 2011 daripada 32.2% dalam tahun 2010. Peningkatan ini adalah hasil perlaksanaan 'Skim Upah Mengering dan Kisar' (SUMK) dan 'Program Rakan Ladang' (PRL).
- BERNAS turut berupaya meminimalkan kerugian stok padi daripada 3.6% pada tahun 2010 kepada hanya 1.8% pada tahun 2011, berikutan perbaikan proses pemotongan pemutuan padi di semua kilang. Hasil Perolehan Beras yang diproses juga berjaya ditingkatkan daripada 56.5% pada tahun 2010 kepada 57.4% pada tahun 2011.
- Dalam tahun 2011, BERNAS memperuntukkan sejumlah RM64.13 juta untuk menjalankan 481 projek menaik taraf fasiliti dan infrastruktur yang berfokuskan peningkatan kapasiti pengilangan dan penambahbaikan sistem operasi. Digabungkan dengan penambahbaikan proses pemotongan pemutuan padi, ia telah berupaya meningkatkan hasil operasi pengilangan sebanyak 30% dalam tahun yang ditinjau.

- BERNAS also successfully secured preferred-buyer contracts with key suppliers in Thailand and Vietnam, which is a major coup as the rice market tended to be traded on a consignment basis or at best, a 3-month forward period.
- As part of an exercise to rationalise our operations and focus on the more profitable segments of our business, a decision was taken in September 2011 to cease the operations of BERNAS' 30 'Save More' retail outlets.
- BERNAS has been requested to participate in two Entry Point Projects (EPPs) identified under the National Key Economic Areas (NKEAs) of the Economic Transformation Programme (ETP).
- The BERNAS-UPM Laboratory has been upgraded from an analytical food technology laboratory to a full-fledged research and development (R&D) laboratory. Renamed the UPM-BERNAS Research Laboratory, it will focus on efficiency and innovation in both upstream and downstream activities, as well as researching into rice by products which can be commercialised in the future.
- BERNAS juga berjaya mengikat kontrak pembekalan sebagai pembeli yang diutamakan dengan Thailand dan Vietnam. Ini merupakan suatu pencapaian kerana lazimnya beras diperdagangkan secara konsainan atau dalam tempoh paling lama secara pembelian tiga bulan ke hadapan.
- Sebagai sebahagian daripada usaha menyusun semula operasi perniagaan dengan menumpukan fokus ke arah segmen perniagaan yang lebih menguntungkan, keputusan untuk menutup operasi peruncitan 30 buah kedai komuniti Save More telah diambil pada September 2011.
- BERNAS turut diminta untuk menyertai dua Projek EPP di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Program Transformasi Ekonomi (ETP).
- Makmal BERNAS-UPM dinaik taraf daripada makmal analisa teknologi makanan kepada makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sepenuhnya. Kini ia dikenali sebagai Makmal Penyelidikan UPM-BERNAS yang lebih fokus kepada keberkesanan penggunaan sumber dan inovasi dalam aktiviti hulu dan hiliran, serta penyelidikan produk sampingan beras yang boleh dikomersilkan di masa hadapan.



MANAGING DIRECTOR'S REVIEW OF OPERATIONS

Tinjauan Operasi Pengarah Urusan

Padiberas Nasional Berhad Annual Report 2011 48



INDUSTRY OVERVIEW

Global Review

The Food and Agriculture Organisation (FAO) of the United Nations reported that global rice production for 2011 reached a new record. Global production has been raised by 21.4 million MT to 721 million MT, a 3% increase from the previous record of 700 million MT set in 2010. Milled rice production has increased by 1.6 million MT to 480.5 million MT over the same period.

Rice is mostly self consumed in the country that it is produced, and only 4% of global production is traded internationally. The international rice trade (milled basis) in 2011 is projected to increase by about one million MT to an unprecedented level of 34.3 million MT. Expansion in the trading volume was fuelled by strong import demand from Asia as well as Africa.

International rice export prices remained relatively firm in the first half of 2011, after which prices began to rise, weighed in heavily by reports of flood-related crop losses, speculation and price support policy developments in Thailand and India. For the year as a whole, according to the FAO Rice Market Monitor, price volatility had considerably lessened in 2011. The massive floods that ravaged vast rice producing areas in Southeast Asia had less of an impact than initially feared. Despite trending downwards towards the end of 2011, rice prices in 2011 remained on average, 10% above 2010.

TINJAUAN INDUSTRI

Tinjauan Dunia

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), sebuah agensi khusus Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melaporkan, pengeluaran beras dunia tahun 2011 telah mencatat satu rekod baru. Pengeluaran dunia meningkat sebanyak 21.4 juta tan metrik kepada 721 juta tan metrik, atau peningkatan 3% berbanding 700 juta tan metrik yang dicatatkan pada tahun 2010. Pengeluaran beras yang dikilang juga meningkat sebanyak 1.6 juta tan metrik kepada 480.5 juta tan metrik dalam tempoh yang sama.

Secara umum, negara-negara pengeluar menghasilkan beras untuk kegunaan tempatan. Hanya 4% sahaja hasil keluaran beras dunia diperdagangkan di pasaran antarabangsa. Dalam tahun 2011, dagangan beras antarabangsa (kadar yang dikilang) diunjurkan meningkat sebanyak satu juta tan metrik kepada 34.3 juta tan metrik. Pertambahan jumlah dagangan adalah akibat daripada permintaan yang tinggi daripada negara-negara di Asia dan Afrika.

Harga beras eksport antarabangsa kekal kukuh pada separuh tahun pertama 2011, dan mula melonjak selepas tempoh tersebut kerana dipengaruhi oleh laporan kerugian tanaman akibat banjir, spekulasi serta perkembangan polisi sokongan harga di Thailand dan India. Menurut badan Pengawasan Harga Beras, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), naik turun harga menyusut secara keseluruhannya pada tahun 2011. Bencana banjir yang melanda Asia Tenggara tidak membawa impak sebesar yang dijangkakan. Walaupun aliran harga cenderung menurun di penghujung tahun 2011, harga pasaran kekal di paras purata iaitu 10% melebihi paras harga tahun 2010.



REVIEW OF OPERATIONS

Procurement, Sales and Distribution

Malaysia's rice fields were spared from the calamities of the monsoon floods that affected the Asian Rice Belt in Indo-China. National paddy production rose by 1.3% to 1.80 million MT in 2011, from 1.78 million MT recorded in the previous year.

For the year, total rice sales increased by 3.1% to 1.41 million MT, against 1.37 million MT recorded in 2010. However, sales of local rice declined by 9.5% to 537,771 MT in 2011 from the previous level of 593,944 MT.

Throughout the year, the price of local paddy has remained relatively stable at around RM1,050 per MT in the Northern Region; RM1,220 per MT in Selangor and RM1,000 per MT in the Eastern Region. BERNAS continued to purchase local paddy at the prevalent market price, which is much higher than the Guaranteed Minimum Price (GMP) fixed by the Government at RM750 per MT.

BERNAS' share of the local paddy market improved to 33.3% in 2011, compared to 32.2% achieved in the preceding year. The Group purchases paddy from farmers at 32 BERNAS Rice Mills (Kilang Beras BERNAS or KBBs) and 48 purchasing centres (Skim Pusat Belian) nationwide. Through this network and our participation in the 'Skim Upah Mengering dan Kisar' (SUMK), BERNAS was able to purchase 600,000 MT of paddy from local farmers in 2011, a 1.1% increase over 2010.

TINJAUAN OPERASI

Pemerolehan, Jualan dan Pengedaran

Jelapang padi negara terselamat daripada bencana banjir monsun yang melanda kawasan penanaman padi Indo-China. Pengeluaran padi negara meningkat sebanyak 1.3% kepada 1.80 juta tan metrik pada tahun 2011, daripada 1.78 juta tan metrik yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Jumlah jualan beras meningkat sebanyak 3.1% kepada 1.41 juta tan metrik, berbanding 1.37 juta tan metrik yang dicatatkan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, jualan beras tempatan merosot sebanyak 9.5% kepada 537,771 tan metrik pada tahun 2011, daripada 593,944 tan metrik pada tahun sebelumnya.

Harga padi tempatan kekal stabil di sepanjang tahun, iaitu di sekitar RM1,050 setiap tan metrik di Wilayah Utara; RM1,220 setiap tan metrik di Selangor dan RM1,000 setiap tan metrik di Wilayah Timur. BERNAS berterusan membeli padi tempatan pada harga pasaran yang jauh lebih tinggi daripada Harga Minima Terjamin RM750 setiap tan metrik yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Syer pasaran padi tempatan BERNAS meningkat kepada 33.3% untuk tahun 2011, berbanding 32.2% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Padi tersebut dibeli melalui 32 Kilang Beras BERNAS (KBB) dan 48 pusat belian (Skim Pusat Belian) di seluruh negara. Melalui rangkaian ini serta penglibatan 'Skim Upah Mengering dan Kisar' (SUMK), BERNAS berjaya membeli 600,000 tan metrik padi daripada petani tempatan pada tahun 2011: peningkatan 1.1% berbanding tahun 2010.



**IN 2011, BERNAS' RICE IMPORT
VOLUME INCREASED BY 14.2%
TO 1,068,224 MT.**

**PADA TAHUN 2011, JUMLAH IMPORT
BERAS BERNAS MENINGKAT SEBANYAK
14.2% KEPADA 1,068,224 TAN METRIK.**



MANAGING DIRECTOR'S REVIEW OF OPERATIONS

Tinjauan Operasi Pengarah Urusan

The success of the 'Program Rakan Ladang' (PRL) is another contributing factor to BERNAS' increased market share. Launched in 2009, PRL is a strategic pact between BERNAS, government agencies and farmers to promote good agriculture practices and effective farm management techniques. A total of about 28,548 farmers involving 54,637 hectares of farmland have benefited from the PRL programme nationwide and are currently reaping the benefits of improved yields and quality, which in turn has contributed to an improvement in BERNAS' market share.

BERNAS has adopted a multi-sourcing and long-term purchasing strategy to cushion the impact of sudden increases in international prices or weather-related disruptions. In 2011, BERNAS' rice import volume increased by 14.2% to 1,068,224 MT, compared to 935,244 MT a year ago. The bulk of the imports were from Vietnam, Thailand and Pakistan.

National Rice Stockpile

As a national policy, the Government regards food security as being synonymous with rice security. BERNAS has been entrusted to secure and manage the government rice stockpile which serves as an emergency food security as well as a mechanism to stabilise supply and rice prices in the country.

The bulk of imported rice for the local market in FYE 2011 came from Vietnam (49%), followed by Thailand (33%), Pakistan (16%) and other countries (2%). However, with Thailand bracing for the worst floods in decades and amidst fears of a tightening global rice supply, BERNAS signed a Memorandum of Understanding with the Vietnam Government in October 2011 for the supply of up to 800,000 MT of rice a year to Malaysia as and when needed over the next 10 years.

There was also no disruption in the supply of other grades of rice consumed in Malaysia, such as the glutinous, fragrant and basmati varieties, which were readily available throughout the year.

Kejayaan Program Rakan Ladang (PRL) juga adalah di antara faktor yang menyumbang ke arah peningkatan syer pasaran BERNAS. Dilancarkan pada tahun 2009, PRL merupakan satu pakatan strategik di antara BERNAS, agensi-agensi Kerajaan dan para pesawah dalam menggalakkan amalan pertanian yang baik dan teknik pengurusan ladang yang berkesan. Sekitar 28,548 orang pesawah yang melibatkan 54,637 hektar tanah sawah seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini dengan meraih hasil dan kualiti yang lebih baik, seterusnya menyumbang kepada peningkatan syer pasaran BERNAS.

BERNAS telah menggunakan strategi pemerolehan daripada pelbagai sumber dan strategi pembelian jangka panjang untuk mengurangkan impak kenaikan harga antarabangsa secara mendadak atau kemungkinan gangguan bekalan akibat cuaca. Pada tahun 2011, jumlah import beras BERNAS meningkat sebanyak 14.2% kepada 1,068,224 tan metrik, berbanding 935,244 tan metrik pada tahun sebelumnya. Sebahagian besar daripadanya diimport daripada Vietnam, Thailand dan Pakistan.

Stokpail Beras Negara

Kerajaan beranggapan jaminan keselamatan beras adalah sinonim dengan keselamatan makanan negara. BERNAS telah diamanahkan untuk melindungi dan menguruskan stokpail beras negara, yang berfungsi sebagai penimbal di waktu kecemasan serta sebagai mekanisma untuk menstabilkan bekalan dan harga beras di negara ini.

Sebahagian besar daripada beras yang diimport untuk pasaran tempatan adalah daripada Vietnam (49%), Thailand (33%), Pakistan (16%) dan lain-lain negara (2%). Melihat keadaan Thailand yang sedang menghadapi banjir terburuk sejak beberapa dekad yang lalu, dan kekhuatiran bekalan beras dunia mungkin terjejas, pada Oktober 2011 BERNAS telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan Vietnam untuk membekalkan sebanyak 800,000 tan metrik beras setahun, apabila negara memerlukan, untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Tiada sebarang gangguan bekalan didapati berlaku ke atas beras gred-gred utama yang lain seperti beras pulut, wangi dan basmati pada sepanjang tahun yang ditinjau.

MANAGING DIRECTOR'S REVIEW OF OPERATIONS

Tinjauan Operasi Pengarah Urusan

Facilities & Infrastructure Improvements

In fulfilling its mandated role as the Buyer of Last Resort, BERNAS is obligated to buy all paddy delivered by farmers to its KBBs nationwide, regardless of quality. To maintain quality and consistency of milled rice, BERNAS has placed greater emphasis on its milling and grading processes to improve recovery output and minimise stock loss.

To this end, BERNAS incurred significant capital expenditure to carry out 481 upgrading and improvement projects, focusing on the installation of new machinery and mill infrastructure upgrades.

Among others, these projects included the installation of rice milling machinery in 24 KBBs at a cost of RM2.77 million; installation of Hot Water Generator for dryer at KBB Sungai Limau for RM1.62 million; new fire fighting systems in 21 KBBs; installation of digital weighbridges in 17 KBBs and two warehouse costing RM2.65 million. Several Hot Water Generator and upgrading works estimated to cost RM8.29 million are still in progress at four KBBs.

Closure of 'Save More' Retail Outlets

In line with the Group's evolving business model and in light of the changing business environment, the last of the Group's 30 'Save More' community stores ceased operations in September 2011. To lend some perspective to our decision, when BERNAS entered the retail market in 2008/09, the reasons to establish a retail presence were manifold:

- To establish brand visibility in the retail market, whilst promoting close ties with the community
- To deliver a stable supply of top quality rice at fair prices
- To set a high benchmark for rice quality, whilst showcasing top quality rice of our own brands
- To ensure supply of the Government subsidised rice, namely the ST15% grade of rice to consumers
- To mitigate supply and price instability in the event of a crisis

Milled rice is packaged and stacked inside the warehouse



Penambahbaikan Fasiliti dan Infrastruktur

Dalam melaksanakan mandat sebagai 'Pembeli Terakhir Padi dari Petani', BERNAS bertanggungjawab untuk menerima kesemua padi yang dihantar ke Kilang-Kilang Beras BERNAS (KBB) tanpa mengira kualiti. Untuk menangani masalah kepelbagaian mutu dan penghasilan yang tidak konsisten, BERNAS memberikan perhatian yang lebih ke atas proses penggredan dan pemprosesan untuk meningkatkan Hasil Perolehan Beras yang diproses di samping mengurangkan kerugian stok padi.

Untuk tujuan ini, perbelanjaan modal yang agak besar digunakan untuk melaksanakan 481 projek-projek naik taraf dan pembaikan, dengan memberikan tumpuan terhadap pemasangan jentera baru dan menaik taraf infrastruktur kilang.

Antara lain, projek pemasangan jentera pengilangan padi di 24 buah KBB dengan kos RM2.77 juta; pemasangan Penjana Air Panas untuk proses mengering padi di KBB Sungai Limau dengan kos RM1.62 juta; sistem pencegah kebakaran baru di 21 buah KBB; serta pemasangan jambatan timbang digital di 17 KBB dan dua gudang berjumlah RM2.65 juta. Beberapa Penjana Air Panas dan kerja-kerja menaik taraf yang dianggarkan menelan belanja RM8.29 juta sedang dijalankan di empat buah KBB.

Penutupan Kedai Komuniti 'Save More'

Sejajar dengan perkembangan model perniagaan Kumpulan dan perubahan persekitaran perniagaan, operasi 30 buah kedai komuniti 'Save More' dihentikan pada September 2011. Keputusan yang diambil pada tahun 2008/09 untuk melibatkan diri secara langsung dalam pasaran runcit adalah berlandaskan perkara-perkara berikut:

- Untuk mewujudkan kehadiran jenama di pasaran runcit, di samping mewujudkan hubungan rapat dengan masyarakat
- Untuk menyediakan bekalan beras bermutu tinggi yang stabil pada harga yang saksama
- Untuk mewujudkan tanda aras yang tinggi bagi kualiti beras negara ini, di samping mempamerkan beras-beras berkualiti tinggi di bawah jenama kami sendiri
- Untuk memastikan bekalan beras subsidi Kerajaan, iaitu gred ST15% sampai kepada pengguna
- Untuk mengurangkan ketidakstabilan bekalan dan harga sekiranya berlaku krisis



Since then, the mushrooming of convenient stores and hyper-markets in almost every residential area especially the Government-sponsored Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) has made our retail outlets redundant and unprofitable. Going forward, we can still maintain a foot-hold in the retail segment and establish brand presence through strategic co-branding options with our partners like Jasmine Food Corporation, Serba Wangi, Era Bayam Kota in Peninsular Malaysia; Sazarice and Sabarice in Sabah and Liansin Trading in Sarawak. These are already brand leaders in the rice business, sharing the same high values espoused by BERNAS and they will continue to uphold the high benchmarks we have set for our rice products.

Ensuring Rice Quality

We owe it to ourselves to move towards a culture of excellence and over the years, BERNAS has striven to build a brand that resonates in the market-place, one that is synonymous with quality to meet the approval of a more discerning public. BERNAS' quest for quality excellence is underscored by the setting up of its own Quality Management Division, represented by a team of qualified and experienced inspectors. The team undertakes rice inspection and carries out analysis to ensure compliance with the sampling and analysis methodology stipulated under the internationally recognised ISO 13690 and ISO 7301 standards. Developed by the International Organisation for Standardisation (ISO), the ISO 13690 standard specifies the general conditions relating to sampling for the assessment of the quality of cereals, pulses and milled products. ISO 7301 gives the minimum specifications for rice which is subjected to international trade.

During the year, the team conducted consignment inspections and analyses on almost one million MT of rice, comprising 838,300 MT of imported rice at nine ports of loading across Malaysia as well as 150,000 MT of local rice at 24 KBBs. Inspections were also conducted on a quarterly basis to ensure that the safety and quality of stocks stored in our warehouses have not been compromised. Attributes inspected include milling quality, damaged grains, yellow grains, caked rice, presence of pests and moisture content.

Sejak dari itu, kemunculan pesat pelbagai kedai runcit dan pasaraya di setiap kawasan perumahan, serta pengenalan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) oleh Kerajaan, telah menjadikan kedai komuniti kami tidak begitu diperlukan mahupun mampu memberi saingan. Melangkah ke hadapan, kami masih boleh mewujudkan kehadiran jenama kami di pasaran runcit dengan mewujudkan pilihan jenama bersama dengan rakan-rakan kongsi seperti Jasmine Food Corporation, Serba Wangi, dan Era Bayam Kota di Semenanjung; Sazarice dan Sabarice di Sabah dan Liansin Trading di Sarawak. Jenama-jenama mereka sudahpun menempa nama dalam industri beras negara dan mereka turut mendukung nilai yang tinggi seiring dengan BERNAS dalam meletakkan tanda aras kualiti yang tinggi untuk setiap produk beras yang dikeluarkan.

Jaminan Kualiti Beras

Kami bertanggungjawab dalam memastikan pergerakan kami menuju ke arah budaya kecemerlangan. Sehingga kini, BERNAS gigih berusaha untuk membina jenama yang sinonim dengan kualiti demi memenuhi kehendak masyarakat yang semakin teliti. Usaha ke arah kecemerlangan ini diperkukuhkan oleh kewujudan Bahagian Pengurusan Kualiti kami sendiri, yang terdiri daripada para penyelia yang berkeelayakan dan berpengalaman. Mereka menjalankan pemeriksaan dan analisa dengan mematuhi metodologi persampelan dan analisa yang termaktub dalam ISO 13690 dan ISO 7301 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Piawaian ISO 13690 menetapkan syarat-syarat umum berkaitan persampelan bagi penilaian kualiti bijirin, kacang dan produk kisar, manakala ISO 7301 menggariskan spesifikasi minimum bagi beras yang tertakluk di bawah dagangan antarabangsa.

Pada tahun yang ditinjau, pasukan penyelia kami menjalankan pemeriksaan konsainan dan analisis kepada hampir satu juta tan metrik beras, yang terdiri daripada 838,000 tan metrik beras import di sembilan pelabuhan seluruh Malaysia serta 150,000 tan metrik beras tempatan dari 24 buah KBB. Pemeriksaan turut dijalankan pada setiap suku tahun untuk memastikan keselamatan dan kualiti stok yang disimpan di gudang-gudang kami tidak terjejas. Antara yang diperiksa termasuk kualiti pengilangan, kerosakan bijirin, bijirin kuning, beras keredak, kehadiran perosak dan kandungan lembapan.

MANAGING DIRECTOR'S REVIEW OF OPERATIONS

Tinjauan Operasi Pengarah Urusan

Research & Development Activities

Our research and development (R&D) programme play a key role in the enhancement of the Malaysian rice industry. Under a Memorandum of Understanding signed with Universiti Putra Malaysia (UPM), the following projects are underway and are expected to be completed by mid-2012:

- Clinical trials of germinated brown rice (GBR) on anti-diabetic and cardio-protective effects.
- Skincare supplements and products derived from GBR and rice bran extracts
- Development of anti-diabetic products from GBR and rice bran extracts.

Meanwhile, what was basically an analytical food technology laboratory has been upgraded and renamed the UPM-BERNAS Research Laboratory. In line with BERNAS' business plan and direction, our future collaborative efforts with UPM will focus on improving efficiency levels and the development of research products across the entire value chain of BERNAS' paddy and rice business.

UPM-BERNAS Research Laboratory's efforts to be accredited to ISO 17025 are still underway, with only one part of the stringent process of certification yet to be fulfilled. ISO 17025 is one of the most internationally recognised quality standards governing laboratories and controls all aspects of how they conduct their business.

FORWARD THRUST

According to the US-based Economic Research Service, assuming normal weather conditions prevail globally and a continuation of current policies, FYE 2012 holds the promise of another bumper crop. However, global trading prices of long-grain rice are expected to be higher, driven by Thailand's Paddy Mortgage Scheme and a carry-over of the impact of floods in Southeast Asia. Prices are also expected to be affected by continued buying by Indonesia and the expected recovery in the Western economy.

By taking cognisance of our inherent strengths and leveraging on the gains of the previous year, we intend to accelerate our growth momentum by pursuing the following strategic priorities:

- Exploiting the value-adding potential at every level of the entire supply chain from 'seed to plate' to enhance quality, efficiency, productivity and improve on margins.

Aktiviti-Aktiviti Penyelidikan & Pembangunan

Di bawah Memorandum Persefahaman yang ditandatangani bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), projek-projek berikut sedang dijalankan dan bakal siap menjelang pertengahan tahun 2012:

- Ujian klinikal beras perang yang dicambahkan (GBR) ke atas kesan anti-diabetik dan perlindungan kardio.
- Produk penjagaan dan makanan tambahan untuk kecantikan kulit yang diekstrak daripada GBR dan bran beras.
- Pembangunan produk anti-diabetik daripada ekstrak GBR dan bran beras.

Sementara itu, makmal yang sebelumnya hanyalah sebuah makmal analisa teknologi makanan, kini telah dinaik taraf dan diberi nama baru, iaitu Makmal Penyelidikan UPM-BERNAS. Selari dengan pelan perancangan dan halatuju BERNAS, usahasama dengan pihak UPM ini akan memfokuskan peningkatan tahap kecekapan dan pembangunan hasil penyelidikan merentasi keseluruhan rantaian perniagaan padi dan beras BERNAS.

Usaha Makmal Penyelidikan UPM-BERNAS untuk mendapatkan pengiktirafan ISO 17025 masih diteruskan, dengan hanya satu sahaja bahagian persijilan yang perlu dipenuhi. ISO 17025 adalah di antara standard kualiti yang paling diiktiraf di peringkat antarabangsa, yang mengawal serta mentadbir semua aspek pengendalian makmal.

MELANGKAH KE HADAPAN

Menurut pakar Perkhidmatan Penyelidikan Ekonomi Amerika Syarikat, sekiranya cuaca dunia dan polisi sekarang kekal seperti sedia ada, hasil tanaman yang luar biasa akan sekali lagi dinikmati pada tahun kewangan 2012. Walau bagaimanapun, harga dagangan dunia untuk beras panjang dijangka meningkat disebabkan oleh Skim Cagaran Padi Thailand dan kesan banjir besar Asia Tenggara. Harga akan turut dipengaruhi oleh pembelian berterusan daripada Indonesia dan jangkaan pemulihan ekonomi negara-negara Barat.

Dengan memanfaatkan kekuatan dalaman serta keuntungan yang diperolehi, kami merancang untuk mempercepatkan pertumbuhan dengan mengutamakan strategi berikut:

- Mengambil kesempatan ke atas potensi nilai-tambah setiap peringkat rantaian bekalan, iaitu dari peringkat benih ke peringkat pengguna, untuk menambah kualiti, kecekapan, produktiviti dan margin keuntungan.

- Accelerating business growth through strategic investments in promising ventures to provide a more comprehensive range of services as well as to strengthen brand and market presence.
- Continually reviewing our working practices and systems with the aim of reducing costs, whilst improving productivity and efficiency.
- Emphasising on R&D and injection of new technology to gain break-away advantages in the business.
- Portfolio optimisation with the aim of reducing costs.

BERNAS is unique in that while operating strictly as a private entity, we also have to discharge our social and national obligations. As far as I know, there is no other company like ours in Malaysia. In retrospect, I believe BERNAS has always maintained a fine and delicate balance between its primary roles, acting as a centrifugal force in fulfilling the expectations of its shareholders and the nation at large, commercially and socially.

Going forth, we will continue to shape the Group's future with entrepreneurial farsightedness and wisdom to unlock the considerable potentials of BERNAS and the Malaysian rice industry in achieving greater heights. In short, you can expect more from us.

APPRECIATION

The contribution of our management and staff has been vital to BERNAS' success. They have shown that they are agile, adaptable and responsive whilst remaining always professional and committed to making BERNAS a much stronger entity. But our transformation is by no means completed. We will continue to depend on their diversity of talents and energy to achieve our goals.

BERNAS is also fortunate to have the support and cooperation of various government agencies, business associates, customers and you, our shareholders. We will need the continuing support from all of you as we enter a new and more dynamic phase of growth.

BAKRY BIN HAMZAH
Managing Director

- Mempercepatkan pertumbuhan perniagaan melalui pelaburan strategik dalam bidang-bidang perniagaan yang berpotensi tinggi, untuk kami menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif di samping mengukuhkan kewujudan jenama dan pasaran.
- Berterusan dalam mengkaji sistem dan amalan-amalan kerja dengan tujuan untuk mengurangkan kos, di samping meningkatkan produktiviti dan tahap kecekapan.
- Menekankan Penyelidikan dan Pembangunan teknologi baru bagi mencapai lebih banyak peluang dalam perniagaan.
- Mengoptimumkan portfolio bagi tujuan mengurangkan kos.

BERNAS merupakan sebuah entiti swasta yang unik kerana ia turut diamanahkan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial dan kewajipan nasional. Tiada sebuah syarikat seumpamanya di Malaysia. Apabila ditinjau kembali, saya yakin BERNAS telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan sentiasa mengekalkan keseimbangan komersil dan sosial dalam memenuhi jangkaan para pemegang saham khususnya, dan negara amnya.

Melangkah seterusnya, kami akan terus membentuk masa hadapan Kumpulan dengan kemahiran keusahawanan dan berpandangan jauh ke hadapan bagi merungkai potensi sebenar BERNAS dan industri padi dan beras negara ke arah kecemerlangan.

PENGHARGAAN

Sumbangan para pengurusan kanan dan warga kerja adalah amat penting kepada kejayaan BERNAS. Mereka telah menunjukkan kemampuan untuk bergerak pantas, berubah mengikut kesesuaian dan bertindak balas dengan baik, di samping sentiasa bersikap profesional dan komited untuk mengukuhkan Syarikat. Namun, transformasi yang dilalui ini masih belum sempurna. Kami akan terus memerlukan kepelbagaian sumber dan kamahiran mereka untuk mencapai matlamat yang diimpikan.

BERNAS turut bernasib baik kerana mendapat kerjasama dan sokongan penuh dari pelbagai agensi kerajaan, rakan-rakan usahasama, para pelanggan dan anda, para pemegang saham yang budiman. Kami amat memerlukan sokongan berterusan dari anda semua untuk kami melangkah lebih jauh ke arah pertumbuhan fasa baru yang lebih dinamik.

BAKRY BIN HAMZAH
Pengarah Urusan

BERNAS anjur bimbingan untuk anak lakitangan dengan kerjasama Berita Harian

REKREASI Kira-kira apa saja kegiatan rekreasi yang banyak dilakukan masyarakat?

[illegible]

la melakukan analisis kritis yang menunjukkan bahwa kedua lembaga tersebut, pemerintah (dan Presiden) dan Mahkamah Konstitusi (MK), telah melakukan pelanggaran terhadap hak asasi manusia (HAM) dan hak kebebasan pers. Menurut laporan tersebut, pemerintah dan Mahkamah Konstitusi telah melakukan pelanggaran terhadap hak asasi manusia (HAM) dan hak kebebasan pers. Menurut laporan tersebut, pemerintah dan Mahkamah Konstitusi telah melakukan pelanggaran terhadap hak asasi manusia (HAM) dan hak kebebasan pers.

Journal of Interpersonal Violence 26(12) 3031-3047

Thomas Duggan is spending \$100 million in organic fiber investments in the United States, says a spokesman for the company's Lenoire, Tennessee, headquarters. The investments are in partnership with the federal government, but the federal money is for research for this program. The private investment allows Lenoire to build a total of 100,000 bales of wool annually, according to Duggan. The wool is used in a variety of ways, including in home furnishings, apparel and so on.

According to Duggan, the wool is used in a variety of ways, including in home furnishings, apparel and so on.

According to Duggan, the wool is used in a variety of ways, including in home furnishings, apparel and so on.

The Lenoire district, a subsidiary of the program, is a wool processing and marketing organization.

[illegible]

FOR THE 2007 EDITION:

1998



It is a well-known fact that the world is a very diverse place, and that there are many different cultures and languages. This is why it is so important to learn about other cultures and languages, and to respect the differences between them.

Perlu diketahui bahwa penelitian ini
tidak hanya bertujuan semata
untuk menambah nilai riilnya saja.

[illegible]

Author's address: Department of Psychology, University of California, San Diego, La Jolla, CA 92037, USA.
E-mail: jacob@ucsd.edu

THE

© 2006 The Authors
Journal compilation © 2006 Blackwell Publishing Ltd

IBERNIA: 6866, 主板消費
改年次季(截至6月30日):
52.59%,至6350万8000令吉,
提升11.78%,至9亿3240万20
同时,其上半年淨
44.46%,至1亿1883万1000
按年增长8.73%,至1625624

STUDY SUMMARY: The authors report that the results of the study suggest that the use of a computer-based system for the management of patient care can improve the quality of care and reduce the risk of error.

James M. Smith, 47, is a senior vice president of the American Medical Association. He has been with the association since 1982 and has been a member of the AMA since 1968. He is a member of the AMA Council on Health Care Delivery and the AMA Council on Health Care Financing. He is also a member of the AMA Council on Health Care Quality and the AMA Council on Health Care Access. He is a member of the AMA Council on Health Care Ethics and the AMA Council on Health Care Research. He is a member of the AMA Council on Health Care Policy and the AMA Council on Health Care Law. He is a member of the AMA Council on Health Care Education and the AMA Council on Health Care Communication. He is a member of the AMA Council on Health Care Information and the AMA Council on Health Care Management. He is a member of the AMA Council on Health Care Organization and the AMA Council on Health Care Practice. He is a member of the AMA Council on Health Care Regulation and the AMA Council on Health Care Standards. He is a member of the AMA Council on Health Care Training and the AMA Council on Health Care Workforce. He is a member of the AMA Council on Health Care Research and the AMA Council on Health Care Innovation. He is a member of the AMA Council on Health Care Policy and the AMA Council on Health Care Law. He is a member of the AMA Council on Health Care Education and the AMA Council on Health Care Communication. He is a member of the AMA Council on Health Care Information and the AMA Council on Health Care Management. He is a member of the AMA Council on Health Care Organization and the AMA Council on Health Care Practice. He is a member of the AMA Council on Health Care Regulation and the AMA Council on Health Care Standards. He is a member of the AMA Council on Health Care Training and the AMA Council on Health Care Workforce. He is a member of the AMA Council on Health Care Research and the AMA Council on Health Care Innovation.

MARK A. LERBERER began his career in the insurance industry in 1978. He is currently president of the American Insurance Association, a Washington, D.C., based industry group.

[illegible]

THE NEW AMERICAN ALPHABET was the calligrapher John Borge, whose

[illegible][illegible]

THE OCCASION

A panel proposed to set up a forest law center that would help develop

